


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

31
JUL

WARGA KAMPUS DISARAN BUDAYAKAN INOVASI DAN KREATIVITI




PULAU PINANG, 31 Julai 2015 - Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) ini hendaklah diterjemahkan sebagai komitmen berterusan untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Universiti dan membudayakan elemen kreativiti dan inovasi di dalam diri kakitangan Universiti pada semua peringkat organisasi dalam meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan yang ada.

Demikian tegas Timbalan Naib Canselor (TNC) Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dato' Dr. Muhamad Jantan yang mewakili Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman ketika menyampaikan ucapan penutup Konvensyen Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK) USM hari ini.

Menurut Muhamad, Konvensyen KIK yang dianjurkan ini merupakan antara salah satu instrumen bagi membantu meningkatkan kebolehcapaian KPI setiap Pusat Tanggungjawab melalui penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul dalam melaksanakan proses kerja harian.

"Apabila masalah dapat diselesaikan, ini bermakna ada penemuan cara dan kaedah baharu dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut yang seterusnya dapat mencetuskan nilai-nilai kreativiti dan inovasi yang turut menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara," kata Muhamad.



Tambahnya lagi, cabaran bagi membudayakan kreativiti dan inovasi dalam setiap organisasi adalah satu tanggungjawab berat yang menuntut komitmen tinggi dari semua pihak untuk memastikan pembudayaan kreatif dan inovasi dengan mengubah cara berfikir dan bertindak yang biasa kepada luar biasa "think out of the box" untuk menghasilkan reka cipta dan produk baru.

"Seluruh warga Universiti perlu berfikir di luar kotak dalam mewujudkan kumpulan KIK yang mampu memberi hasil kreativiti dan inovasi yang bukan sahaja menyelesaikan sesuatu masalah, malahan menjadi sesuatu perkhidmatan atau produk yang baru yang mampu meningkatkan perkhidmatan universiti melalui penglibatan pelbagai peringkat jawatan dengan

setiap peserta diberi peluang yang sama rata dalam menyumbangkan idea dan pendapat serta seterusnya melaksanakan langkah-langkah penyelesaian atau penambahbaikan terhadap proses kerja sedia ada.

Sementara itu, Pemangku Bendahari USM merangkap Pengerusi KIK 2015, Dr. Rohayati Mohd Isa berkata, KIK bukan sahaja memupuk budaya inovasi dan kreatif malah turut melatih anggota organisasi untuk tampil berani dalam merangka dan menyusun gerak kerja serta melaksanakan tindakan perubahan ke arah memantapkan keupayaan sumber manusia yang ada demi kebaikan organisasi.

“Impak kepada projek inovatif dan kreatif ini akan dapat menghasilkan penciptaan nilai, memperbaiki kaedah, prosedur serta cara kerja seharian setiap kakitangan universiti,” ujar Rohayati lagi.

Rohayati turut melahirkan rasa bangga dengan penglibatan kakitangan dalam KIK sebagai usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja di universiti.

Sebanyak enam kumpulan menyertai KIK 2015 kali ini dengan dua kategori utama dipertandingkan iaitu Pengurusan dan Teknikal termasuklah G-nius (Pengurusan), Fast (Teknikal), The Newcomers (Pengurusan), Unique 10 (Pengurusan), Paradigma (Pengurusan), dan Galaksi R-3 (Teknikal).

Penganjuran KIK 2015 ini merupakan penanda aras dan pelantar bagi menyemarakkan lagi budaya inovasi dalam kalangan warga kampus secara keseluruhan serta membantu memupuk kreativiti dan inovasi bagi membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu.

Teks: Siti Naquiah Abdillah/Foto: Mohd. Fairus Md. Isa & Zamani Abdul Rahim.



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015